

TEKS ALUAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR UTeM

PROGRAM MUDAPRENEUR@HE PERINGKAT AKHIR

**HOTEL HOLIDAY INN, MELAKA
2.30 PM, 1 OKTOBER 2020**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Shaharuddin Bin Abu Sohot

Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi

Wakil-wakil Naib Canselor, Pegawai-pegawai Kementerian Pengajian Tinggi,

Pengarah Pusat Keusahawanan Universiti Awam, Rakan Syarikat dan Agensi, Barisan Juri, Jawatankuasa Pelaksana,

Seterusnya hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada petang ini, kita dapat dipertemukan di dalam **PROGRAM MUDAPRENEUR@HE, PERINGKAT AKHIR, BAGI TAHUN 2020** yang dijayakan secara kolaborasi antara UTeM bersama rakan Universiti Awam iaitu UniMAS, UMP, UMT, UMK dan UnisZA.
2. Selamat datang diucapkan kepada rakan-rakan dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti-Universiti Awam

ke Negeri Melaka, negeri tersohor dengan kota bersejarah yang mendapat pengiktirafan dari UNESCO sebagai Bandar Warisan Dunia.

3. Tidak lengkap kalau ke Melaka tanpa di sambut dengan pantun:

Pohon pauh di tepi permatang,
Pohon nangka di hujung batas;
Dari jauh tuan puan datang,
Orang Melaka menyambut ikhlas.

4. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi di atas kepercayaan yang diberikan kepada UTeM untuk mengemudikan program bermanfaat ini, bersama-sama lima rakan Universiti Awam yang lain.

5. Sesungguhnya sinergi bersepadau antara pihak Kementerian dan Institusi Pendidikan Tinggi ini wajar diberikan keutamaan dalam agenda pemerkasaan kualiti graduan, kerana pada pendapat saya, impak program seumpama ini dapat memberi

manfaat kepada pelbagai pihak, sama ada kepada individu pelajar itu sendiri, universiti, industri, masyarakat, malah negara kita sendiri.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

6. Cabaran pendidikan tinggi dalam era revolusi industri 4.0 perlu senantiasa relevan dan memenuhi keperluan pemegang taruh, industri dan masyarakat. Proses pendidikan di peringkat pengajian tinggi merupakan satu aspek yang sangat dinamik dan sentiasa mengalami proses evolusi dan transformasi.

7. Dalam kita berusaha untuk mencapai kecemerlangan, harus kita ingati bahawa antara kompenen terpenting adalah untuk menghasilkan graduan yang holistik yang mempunyai ciri-ciri

keusahawanan. Graduan adalah agen perubahan yang berupaya untuk mengubah tahap sosioekonomi keluarga di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan baharu, sekali gus memberi banyak manfaat terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

8. Justeru itu, Program MUDAPRENEUR@HE yang dianjurkan ini, amatlah bertepatan dalam usaha negara dan pihak

Kementerian Pengajian Tinggi sendiri, dalam melahirkan bakat insan yang memiliki nilai dan budaya keusahawanan yang lebih membanggakan, kompeten, kreatif dan inovatif.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Program MUDAPRENEUR@HE ini melibatkan 28 penyertaan syarikat yang dimiliki oleh para pelajar yang masih lagi di dalam tempoh pengajian. Para usahawan muda yang berpotensi besar ini diberikan bimbingan dan latihan berdasarkan tiga kluster yang dikenalpasti iaitu:

- a. Kluster Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau ICT, menerusi bimbingan dalam penghasilan rekaan laman sesawang yang lebih interaktif, penggunaan aplikasi atas talian, pengwujudan pangkalan data dan lain-lain perkhidmatan berkaitan ICT.
- b. Seterusnya, adalah Kluster Kejuruteraan dan Teknologi. Kluster ini memberi pendedahan tentang kaedah penyelesaian masalah yang dihadapi khususnya oleh sektor pengeluaran menerusi kepintaran teknologi terkini yang kreatif dan inovatif.
- c. Latihan seterusnya adalah dalam Kluster Perkhidmatan, bagi membantu menyelesaikan masalah dan

meningkatkan prestasi dan produktiviti usahawan atau syarikat lain. Antara latihan yang diberikan adalah seperti kaedah dalam memberikan perkhidmatan penyediaan dokumenstasi perniagaan, khidmat perundingan dengan menggunakan perisian seperti AutoCAD, khidmat pemasaran perniagaan, dan lain-lain lagi.

10. Diharapkan, menerusi platform bimbingan ini, para usahawan muda memperoleh pendedahan yang lebih menyeluruh, secara langsung dapat memperkemaskan pengetahuan dan pengalaman para usahawan muda untuk lebih bersiap siaga dalam menghadapi dan mengharungi cabaran bidang keusahawanan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

11. Matlamat penganjuran MUDAPRENEUR@HE tidak akan tercapai dengan jayanya tanpa penglibatan dari syarikat-syarikat yang juga merupakan *venture capitalist*, yang sudi memberikan khidmat bimbingan dan nasihat serta peluang pelaburan dalam perniagaan yang dimiliki oleh para peserta program ini.

12. Bagi pihak penganjur program, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada barisan *venture capitalist* yang terlibat, iaitu:

- a. Cyberview Living Lab Accelerator
- b. Cradle Fund Sdn Bhd
- c. Ata Plus Sdn Bhd
- d. Klezcar Travel & Tours Sdn Bhd
- e. SME Corp. Malaysia Cawangan Melaka
- f. pitchIN Campus

- g. MAD Incubator or E3Hubs
 - h. JNJ Group, dan
 - i. Amanz Media Sdn. Bhd.
13. Diharapkan kerjasama strategik antara Universiti dan *venture capitalist* yang terlibat akan berterusan untuk jangka masa yang panjang, malah mendapat penyertaan yang lebih memberangsangkan di masa hadapan.

14. Insya Allah, dengan segala usaha berterusan ini, kita dapat menjayakan hasrat kerajaan yang diterjemahkan menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi sedia ada malah untuk pelan tindakan fasa seterusnya, iaitu bagi tahun tahun 2021 – 2025.

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas komitmen tinggi menyatu idea, menyempurnakan tugasan bagi menzahir upacara seterusnya memastikan program ini terlaksana dengan lancarnya sepetimana yang dirancang awal.

Petang berehat ke Lubuk Sembilang,
Enak menikmati buah berangan,
Usahawan cemerlang negara terbilang,
Menjana ekonomi memacu kegemilangan.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.* Terima kasih.